



12 FEB, 2025

## 100 pelajar terima baucar seragam

SelangorKini, Malaysia



## 100 pelajar terima baucar seragam

**SHAH ALAM** - Seramai 100 pelajar menerima baucar perbelanjaan seragam bernilai RM150 tajaan Tenaga Nasional Berhad, kata Ahli Dewan Negeri Pandan Indah Dato' Ir Izham Hashim.

Katanya, sumbangan pada 1 Februari hasil inisiatif sektor swasta dan pusat khidmatnya demi memenuhi tanggungjawab sosial sekali gus meringankan beban golongan berpendapatan rendah.

"Alhamdullilah, syukur kehadrat Allah saya diberi rezeki untuk menyantuni anak-anak dan ibu bapa membeli barang keperluan persekolahan untuk sesi akademik baru."

"Pelbagai lagi bantuan akan disalur kepada warga Pandan Indah yang layak menerima bantuan khususnya program sumbangan Kembali ke Sekolah dari Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)," katanya di Facebook.